

11 OCT 1997

Mahathir-Australia

MAHATHIR KECEWA TUDUHAN AUSTRALIA

KEMAMAN, 11 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan tuduhan Australia kononnya kerajaan Malaysia cuba membalas dendam terhadap negara itu dengan menolak tawaran sebuah syarikat Australia berhubung kontrak pertahanan.

Perdana Menteri berkata dakwaan Australia bahawa Malaysia berniat untuk membalas dendam tidak pernah berlaku dan beliau berasa sedih dengan tuduhan negatif itu.

"Kita berasa amat sedih tuduhan sebegini, takkan kita tidak ada hak langsung untuk membuat pemilihan ... dia asyik ungkit yang itu, bila tak bagi sahaja dia kata balas dendam, kita tak ada balas dendam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (TATI) di sini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar bahawa Timbalan Perdana Menteri Australia Tim Fisher menyalahkan bekas Perdana Menteri Australia Paul Keating bagi kegagalan Transfield Defence Systems mendapat kontrak bernilai RM5.6 bilion kerana pertikaianya dengan Dr Mahathir pada tahun 1993.

Pada masa itu, Keating menyifatkan Dr Mahathir sebagai "keras kepala" kerana tidak menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi ketua-ketua kerajaan negara Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Seattle pada tahun itu.

Menurut Dr Mahathir, setakat ini beliau tidak mempunyai maklumat berhubung kontrak itu yang dilaporkan ditawarkan kepada sebuah syarikat dari Jerman untuk menyediakan 27 buah bot peronda untuk kegunaan Malaysia tetapi beliau berkata Australia tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan sedemikian.

"Nak kata kita tak bagi ke Australia kerana hendak balas dendam, ini tak baiklah. Takkan semua nak bagi kepada Australia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mendapat banyak tawaran daripada pelbagai pihak yang berkemampuan membekalkannya dan terpulang kepada kerajaan membuat pemilihan.

"Nak kata Australia lebih baik dari Jerman saya payah nak terima, mungkin sama baik dengan Jerman, tapi mungkin ada faktor-faktor lain yang menyebabkan kita memilih Jerman, jika benar," katanya.

Pembekalan boat peronda itu adalah sebahagian daripada rancangan memodenkan Tentera Laut Diraja Malaysia. -- BERNAMA

RAR MAI